

NO. SOALAN: 88

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS(2016)  
DEWAN RAKYAT

---

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO' SHAMSUL ANUAR BIN HAJI  
NASARAH [ LENGGONG ]

TARIKH : 19 MEI 2016 [KHAMIS]

**SOALAN :**

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [ Lenggong ] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah aplikasi Sistem Penjejak Lokasi Jemaah Tersesat SMS/GPS di Tanah Suci boleh digunakan dalam masa yang terdekat dan apakah kekangan yang dihadapi oleh Kerajaan dalam menggunakan aplikasi tersebut secara meluas.

**JAWAPAN :** (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR  
BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN  
PERDANA MENTERI )

Tuan Yang di-Pertua,

Lembaga Tabung Haji (*TH*) sentiasa mengambil perhatian perkembangan teknologi terkini yang dapat meningkatkan kecekapan perjalanan operasi dan menambahbaik perkhidmatan yang diberikan kepada jemaah haji. Sehubungan itu, *TH* telah melaksanakan projek perintis menggunakan peranti mudah alih (*mobile devices*) seperti telefon pintar dan gelang elektronik sejak beberapa

tahun lepas, bagi mengkaji keberkesanan aplikasi sistem menjelak lokasi jemaah haji dalam keadaan beroperasi di Tanah Suci.

Antara kekangan yang ditemui oleh kajian projek perintis tersebut adalah liputan rangkaian (*network coverage*) dan sambungan (*connectivity*) yang terhad terutama di kawasan Tanah Haram semasa kemuncak operasi haji, di samping kos menggunakan aplikasi sistem tersebut secara meluas.

Dengan perkembangan teknologi yang pesat dan wujudnya peralatan lebih canggih dengan kos yang semakin berkemampuan di masa hadapan, **TH** akan terus melaksanakan ujian ketersediaan rangkaian, kesesuaian peranti dan muat turun aplikasi untuk kegunaan semasa operasi **TH** dan kemudahan menjelak jemaah haji.

Sekian. Terima kasih.